

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PENDAPATAN E-DAGANG, SUKU TAHUN PERTAMA, 2025

**Sektor Perkhidmatan negara berkembang 6.0 peratus suku pertama
2025, menandakan permulaan tahun yang kukuh**

PUTRAJAYA, 13 MEI 2025 – Sektor Perkhidmatan melonjak 6.0 peratus tahun ke tahun pada suku pertama 2025, mencecah hasil sebanyak RM630.0 bilion. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Pertama 2025**. Laporan ini memaparkan statistik sektor Perkhidmatan yang merangkumi subsektor Perdagangan Borong & Runcit; Maklumat & Komunikasi; Pengangkutan & Penyimpanan; Penginapan; Makanan & Minuman; Profesional; Hartanah; Kesihatan Swasta; Pendidikan Swasta; Kesenian, Hiburan & Rekreasi; Pentadbiran & Khidmat Sokongan; Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti dan Pendapatan e-Dagang.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan sebanyak 6.0 peratus ini disokong oleh prestasi positif semua segmen sektor Perkhidmatan. Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan yang mencatatkan peningkatan sebanyak RM24.2 bilion atau 5.3 peratus, mencapai RM475.7 bilion. Pertumbuhan kukuh ini didorong oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi dan peningkatan dalam perjalanan domestik, yang dipacu oleh acara bermusim seperti sambutan Tahun Baru Cina, persiapan untuk Ramadan & Aidilfitri, serta pembukaan semula sesi baru persekolahan. Selain itu, peningkatan tahunan sebanyak 31.3 peratus dalam ketibaan pelawat antarabangsa, mencecah 6.7 juta bagi dua bulan pertama tahun ini, turut menyokong pertumbuhan ini."

Prestasi sektor Perkhidmatan turut disokong oleh pertumbuhan ketara dalam segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan, yang berkembang sebanyak 5.9 peratus tahun ke tahun kepada RM87.9 bilion pada suku pertama. Subsektor Maklumat & Komunikasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus, didorong terutamanya oleh aktiviti Telekomunikasi yang meningkat sebanyak 3.8 peratus dan menyumbang 63.5 peratus kepada jumlah nilai subsektor tersebut. Trend pertumbuhan ini sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap keterhubungan digital dan perkhidmatan data, mencerminkan usaha pendigitalan yang berterusan merentasi pelbagai industri serta kebergantungan yang semakin tinggi terhadap perkhidmatan telekomunikasi.

Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan terus menunjukkan prestasi yang kukuh pada suku pertama, disokong oleh pertumbuhan menyeluruh dalam aktiviti utamanya. Aktiviti pengangkutan darat dan udara masing-masing meningkat sebanyak 8.4 peratus dan 9.2 peratus, dipacu oleh lonjakan 11.8 peratus dalam pergerakan penumpang udara. Pada masa yang sama, perkhidmatan penggudangan dan perkhidmatan sokongan berkembang sebanyak 9.2 peratus, manakala perkhidmatan pos dan kurier mencatatkan peningkatan memberangsangkan sebanyak 8.9 peratus, didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam e-dagang dan permintaan terhadap penghantaran ekspres. Secara keseluruhan, trend ini menggambarkan peranan penting subsektor ini dalam memperkukuh kecekapan rantai bekalan dan memenuhi evolusi keperluan ekonomi digital yang berorientasikan pengguna.

Seiring dengan momentum pertumbuhan ini, segmen Perkhidmatan Profesional, Hartanah serta Pentadbiran & Khidmat Sokongan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 10.4 peratus tahun ke tahun pada suku pertama. Perkembangan ini didorong terutamanya oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan profesional, khususnya dalam bidang kejuruteraan, reka bentuk seni bina dan ukur bahan. Trend kenaikan ini mencerminkan pemulihan aktiviti korporat dan tahap keyakinan perniagaan yang semakin meningkat, terutamanya dalam sektor yang berkaitan dengan pembangunan hartanah, projek infrastruktur dan fungsi sokongan sumber luar.

Dalam segmen ini, subsektor Hartanah mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh sebanyak 13.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan ini disokong terutamanya oleh permintaan domestik yang berterusan, kadar faedah yang stabil, serta pelbagai inisiatif kerajaan yang bertujuan meningkatkan kemampuan memiliki rumah. Kesemua faktor ini secara keseluruhannya menyumbang kepada pasaran hartanah yang lebih aktif, mencerminkan daya tahan ekonomi yang lebih luas dan keyakinan pengguna yang stabil.

Seiring dengan itu, subsektor Perkhidmatan Pentadbiran & Khidmat Sokongan turut diperkukuh oleh prestasi memberangsangkan aktiviti agensi pelancongan, yang mencatatkan peningkatan sebanyak 13.0 peratus tahun ke tahun, selaras dengan ketibaan berterusan pelancong antarabangsa ke Malaysia. Selain itu, perkhidmatan pentadbiran pejabat, sokongan & perkhidmatan berkaitan perniagaan lain berkembang dengan ketara sebanyak 16.9 peratus, menunjukkan permintaan yang berterusan terhadap fungsi pentadbiran sejajar dengan peningkatan aktiviti operasi merentasi pelbagai industri.

Selain itu, segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi, serta Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 11.1 peratus tahun ke tahun pada suku pertama 2025. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pendidikan, di samping peningkatan perbelanjaan pengguna dalam aktiviti rekreasi dan penjagaan diri. Subsektor Kesihatan Swasta terus menunjukkan prestasi menggalakkan, disokong oleh peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan hospital (YoY: 14.2%), perkhidmatan klinik (YoY: 14.0%), serta perkembangan minat terhadap perkhidmatan kesejahteraan diri dan penjagaan kesihatan secara pencegahan (YoY: 12.1%). Sementara itu, subsektor Pendidikan Swasta merekodkan pertumbuhan sebanyak 7.0 peratus, disokong oleh tahap enrolmen pelajar yang kekal stabil dan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pendidikan tambahan serta pendidikan khusus.

Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi turut berkembang sebanyak 12.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, subsektor Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 9.9 peratus. Prestasi ini dipacu terutamanya oleh permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan dobi serta perkhidmatan dandan dan estetik, mencerminkan perubahan keutamaan pengguna serta peningkatan perbelanjaan terhadap penjagaan diri dan perkhidmatan berorientasikan kemudahan. Perkembangan ini secara keseluruhannya menyerlahkan sumbangan aktiviti ini yang semakin penting kepada pertumbuhan keseluruhan subsektor.

Dalam analisis perbandingan suku tahunan, jumlah hasil sektor Perkhidmatan meningkat sebanyak 0.3 peratus berbanding suku tahun keempat 2024. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, serta Penginapan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Ini diikuti oleh segmen Maklumat & Komunikasi serta Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat 0.8 peratus. Segmen Perkhidmatan Profesional, Hartanah serta Pentadbiran & Khidmat Sokongan juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.0 peratus, manakala segmen Penjagaan Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi serta Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti meningkat sebanyak 0.5 peratus.

Ketua Perangkawan turut melaporkan bahawa pendapatan e-Dagang bagi suku pertama mencatatkan RM310.6 bilion, meningkat sebanyak 3.4 peratus tahun ke tahun, yang dipacu terutamanya oleh kenaikan 6.0 peratus dalam sektor Perkhidmatan. Pertumbuhan ini menyerlahkan perkembangan berterusan e-Dagang dalam menyokong output perkhidmatan dan aktiviti pengguna. Dari segi suku tahunan, e-Dagang mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.1 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah bahawa jumlah gunatenaga dalam sektor ini adalah seramai 4.5 juta orang, meningkat sebanyak 1.9 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang meningkat sebanyak 3.5 peratus, diikuti oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang meningkat sebanyak 2.4 peratus. Dari segi perbandingan suku tahunan, jumlah gunatenaga meningkat sebanyak 0.3 peratus, iaitu pertambahan seramai 12.1 ribu orang berbanding suku tahun sebelumnya.

Sementara itu, jumlah gaji dan upah meningkat sebanyak 4.1 peratus tahun ke tahun kepada RM33.6 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit serta Pengangkutan & Penyimpanan yang masing-masing merekodkan kenaikan sebanyak 3.9 peratus dan 4.8 peratus. Bagi perbandingan suku tahunan, gaji dan upah meningkat sebanyak 1.0 peratus.


Kesimpulannya, kemajuan Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan dan bernilai tinggi terus didukung oleh sektor Perkhidmatan yang kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan negara. Sokongan daripada permintaan pengguna yang kukuh, pendigitalan yang pesat, tumpuan strategik terhadap pembangunan pelancongan, inovasi teknologi dan pemudahcaraaan perniagaan akan menjadi elemen penting dalam mengekalkan momentum pertumbuhan serta memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab ekonomi serantau yang berdaya saing dan berwawasan ke hadapan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan




Carta 2: Prestasi Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman, dan Penginapan




Carta 3: Prestasi Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan




Carta 4: Prestasi Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian dan Lain-lain Aktiviti



Carta 5: Prestasi Segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Sokongan



Carta 6: Pendapatan e-Dagang



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 MEI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, May 13th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF SERVICES SECTOR AND E-COMMERCE INCOME, FIRST QUARTER 2025

The country's Services sector grew by 6.0 percent in the first quarter of 2025, marking a promising start to the year.

PUTRAJAYA, MAY 13, 2025 – The Services sector surged 6.0 per cent year-on-year in the first quarter of 2025, reaching RM630.0 billion in revenue. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **The Quarterly Services Statistics, First Quarter 2025**. The report presents statistics on Services sector, which encompasses the sub-sectors of Wholesale & Retail Trade; Information & Communication; Transportation & Storage; Accommodation; Food & Beverage; Professional; Private Health; Private Education; Arts, Entertainment & Recreation; Real Estate; Administrative & Support Service; Personal Services & Other Activities, and Income of e-Commerce.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, stated that "The 6.0 per cent growth was supported by positive performance across all segments of the Services sector. The Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment recorded an increase of RM24.2 billion or 5.3 per cent, reaching RM475.7 billion. This robust expansion was driven by higher consumer spending and a rise in domestic travel, spurred by seasonal events such as Chinese New Year celebrations, preparations for Ramadan & Aidilfitri, and the reopening of the school year. Additionally, a 31.3 per cent year-on-year increase in international arrivals, reaching 6.7 million in the first two months of this year, further bolstered this growth."

The Services sector's performance was further supported by notable growth in the Information & Communication and Transportation & Storage segment, which expanded by 5.9 per cent year-on-year to reach RM87.9 billion in the first quarter. The Information &

Communication subsector recorded a growth of 3.3 per cent, driven primarily by Telecommunications activity, which rose by 3.8 per cent and contributed 63.5 per cent to the total value of the subsector. This growth trend is in line with the increasing demand for digital connectivity and data services, reflecting the ongoing digitalisation efforts across industries and greater reliance on telecommunication services.

The Transportation & Storage subsector continued to demonstrate resilient performance in the first quarter, supported by broad-based growth across its key activities. Land and air transport activities increased by 8.4 per cent and 9.2 per cent, respectively, underpinned by an 11.8 per cent surge in air passenger traffic. At the same time, storage and supporting services expanded by 9.2 per cent, while post & courier services recorded a solid increase of 8.9 per cent, driven by the continuous rise in e-commerce and demand for express delivery solutions. Collectively, these trends highlight the subsector's vital role in strengthening supply chain efficiency and addressing the evolving needs of a digital and consumer-centric economy.

Complementing this momentum, the Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment recorded a robust year-on-year growth of 10.4 per cent in the first quarter. This expansion was primarily driven by increased demand for professional services, particularly in engineering, accounting, architectural design, and surveying. The upward trend reflects a recovery in corporate activity and growing business confidence, especially in sectors related to real estate development, infrastructure projects, and outsourced support functions.

Within this segment, the Real Estate subsector posted a strong double-digit growth of 13.5 per cent compared to the same period last year. This increase was largely supported by sustained domestic demand, stable interest rates, and various government initiatives aimed at improving housing affordability. These factors collectively contributed to a more active property market, reflecting broader economic resilience and steady consumer confidence.

In parallel, the Administrative & Support Services subsector was bolstered by the favourable performance of travel agencies activity, which registered a 13.0 per cent year-on-year increase, in line with the continued international tourist arrivals to Malaysia. Additionally, office administrative, support, and other business-related services expanded significantly by 16.9 per cent, indicating persistent demand for administrative functions amid rising operational activity across industries.

Additionally, the Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Personal Services & Other Activities segment posted a robust year-on-year growth of 11.1 per cent in the first quarter of 2025. This expansion was driven by rising demand for healthcare and education services, coupled with increased consumer spending on leisure and personal care. The Private Health subsector continued to register notable performance, supported by growing demand for hospital services (YoY:14.2%), clinic

services (YoY: 14.0%), and heightened interest in wellness and preventive healthcare (YoY: 12.1%). Meanwhile, the Private Education subsector grew by 7.0 per cent, underpinned by stable enrolment levels and rising demand for supplementary and specialised education services.

The Arts, Entertainment & Recreation subsector expanded by 12.1 per cent as compared to previous year. While, the Personal Services subsector registered a notable increase of 9.9 per cent. This performance was primarily fuelled by sustained demand for laundry and personal grooming and aesthetic services, reflecting evolving consumer preferences and increased spending on self-care and convenience-oriented services. These developments collectively underscore the activity's growing contribution to the overall expansion of the subsector.

On a quarter-on-quarter basis, revenue in the Services sector rose by 0.3 per cent compared to the fourth quarter of 2024. This growth was primarily driven by the Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation segment, which grew by 0.1 per cent. This was followed by the Information & Communication and Transportation & Storage segment, which increased 0.8 per cent. The Professional, Real Estate, and Administrative & Support Services segment also saw a rise of 2.0 per cent, while the Private Healthcare, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation, and Other Personal Services segment grew 0.5 per cent.

The Chief Statistician reported that e-Commerce income for the first quarter hit at RM310.6 billion, marking a 3.4 per cent year-on-year increase, primarily driven by a 6.0 per cent rise in the Services sector. This growth highlights the continued expansion of e-Commerce in supporting services output and consumer activity. On a quarterly basis, e-Commerce grew marginally by 0.1 per cent.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further added, "The total number of persons engaged in this sector stands at 4.5 million, an increase of 1.9 per cent year-on-year. This growth was led by the Transport & storage sub-sector which saw an increase of 3.5 per cent, followed by Wholesale & retail trade sub-sector grew by 2.4 per cent. On a quarter-on-quarter basis, the number of persons engaged grew by 0.3 per cent, adding 12.1 thousand persons."

Meanwhile, the total salaries and wages increased 4.1 per cent year-on-year to register RM33.6 billion. The increment was attributed to Wholesale & Retail Trade and Transportation & Storage sub-sectors which rose 3.9 per cent and 4.8 per cent, respectively. For quarter-on-quarter comparison, salaries and wages grew 1.0 per cent.

In conclusion, Malaysia's progression toward a high-value, knowledge-based economy continues to be underpinned by the Services sector, which remains a key driver of national growth. Sustained by resilient consumer demand and accelerated digitalisation, strategic focus on tourism development, technological innovation, and business facilitation will be instrumental in maintaining growth momentum and strengthening Malaysia's position as a competitive and forward-looking economic hub in the region.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Performance of Services Sector




Chart 2: Performance of Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages, and Accommodation Segment




Chart 3: Performance of Information & Communication and Transportation & Storage Segment




Chart 4: Performance of Private Health, Private Education, Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services and Other Activities Segment




Chart 5: Performance of Professional, Real Estate and Administrative & Support Service Segment





Chart 6: e-Commerce Income



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 MAY 2025